

[< Go back to Article Page](#)

[Print Article](#)

Gerak asas seni silat

BERITA HARIAN, 4 April 2003, Page 25

Gerak asas seni silat

SENI BELA DIRI

OLEH

ARIF ZAHARI

TULISAN ini berdasarkan pada sejarah Nusantara, terutama di Pulau Jawa, yang zaman prasejarahanya begitu penting dalam rangka kajian prasejarah sejagat.

Menurut para ahli kaji purba Barat, fosil flora dan fauna yang ditemui di Pulau Jawa berasal dari Zaman Batu Lama (Palaeolithic Age) mengikut perkiraan zaman arkeologi yang berdasarkan kajian saintifik artifak peninggalan kebudayaan silam.

Semua temuan dan pendapat cendekiawan sejarah purba itu juga menunjukkan bahawa rantau Nusantara mempunyai budaya hidup makhluk-makhluk awal dengan cara hidup mereka yang tersendiri.

Menurut para ahli kaji purba tadi, makhluk-makhluk itu adalah seperti kera besar yang telah menunjukkan sedikit kepintaran. Mereka telah wujud pada Zaman Batu Lama Awalan (Lower Palaeolithic Age).

Makhluk-makhluk ini ada yang sudah boleh berjalan tegak di atas kedua-dua kaki mereka walaupun kadangkala masih juga menggunakan tangan untuk menunjang tubuhnya.

Mereka digelar *kera-manusia* (antropoid ape), iaitu jenis kera besar tanpa ekor yang telah mempunyai sifat-sifat kemanusiaan.

Fosil-fosil makhluk itu ditemui di kawasan desa Jetis dan Mojokerto di Tanah Jawa. Makhluk-makhluk kera-manusia itu dinamakan mengikut bentuk tubuhnya atau tempat fosilnya ditemui.

Antaranya ialah jenis *Pithecanthropus Robustus*, iaitu jenis yang bertubuh sasa berbanding dengan yang lain.

Dari Mojokerto, ditemui pula dari jenis *Pithecanthropus Mojokertensis* dan diikuti dengan penemuan dari jenis *Meganthropus Palaeojavanicus* yang bertubuh besar (mega).

Antara budaya hidup makhluk-makhluk Zaman Batu Lama ini ialah ia merayau-rayau mencari makan.

Hasil hutan dan perairan di sekitaran mereka, seperti buah-buahan, ubi-ubian, umbut dan pucuk tumbuh-tumbuhan, serangga dan binatang-binatang kecil serta siput dan kerangan menjadi makanan mereka.

Dalam pada itu, mereka juga terpaksa menghadapi bahaya hidup di hutan belantara.

Untuk mengelakkan diri daripada serangan binatang buas, perkelahian antara kumpulan dan sesama sendiri, makhluk-makhluk itu telah menggunakan apa adanya, iaitu penggunaan anggota tubuh mereka sendiri.

Gerak semula jadi menggunakan anggota tubuh mengikut naluri bagi mempertahankan diri adalah kudrat Tuhan kepada semua makhluk dan hidup-hidupan di muka bumi ini. Gerak itulah yang menjadi asas seni bela diri sejagat, iaitu gerak semula jadi untuk menyelamatkan diri atau menyerang balas dengan tujuan yang sama.

Cara itu sekarang dikenali dengan istilah *pencaik silat tangan kosong* atau *tarungan tanpa senjata*.

Secara alami sebagaimana yang kita maklum, semua flora dan fauna di jagat ini telah dianugerahi dengan kebolehan membela diri dengan keadaan dan gerak semula jadinya masing-masing.

Itu pun sekadar untuk membolehkannya sama-sama hidup mengikut takdir-Nya.

Justeru itu, anugerah yang diberi tidak menjadikan sesiapa atau apa pun kebal sepenuhnya sehingga ia tidak langsung bermanfaat kepada yang lain atau alam sekitarnya.

Sekadar contoh, pepohon dilengkapi dengan getah-getah penghalang atau beracun, duri-duri tajam dan lain-lain.

Namun, getah, racun dan duri itu hanya dapat menjadi penghalang kepada sebahagian musuhnya. Dengan itu, pemilik anugerah dapat terus hidup sekadarnya dan bukan selamlamanya.

Menyingkap sejarah Nusantara seterusnya telah ditemui pula kesan-kesan purba dari Zaman Batu Lama Pertengahan (*Middle Palaeolithic Age*) berupa fosil-fosil makhluk serupa manusia yang sudah berupaya berdiri dan berjalan tegak tanpa memerlukan tunjangan tangan. Kesan-kesan purba itu ditemui di desa Trinil, lembah Bengawan Solo, oleh ahli kaji purba dari Perancis, Encik E. Dubois.

Makhluk-makhluk itu kemudian dinamakan sebagai *manusia-kera* (*Pithecanthropus Erectus*), iaitu manusia yang masih lagi mempunyai sedikit sifat-sifat kekeraannya.

Temuan itu begitu penting sekali bagi melengkapkan peringkat yang terputus dari yang dikatakan evolusi manusia oleh para ahli kaji purba. Makhluk-makhluk itu masih lagi mengamalkan budaya hidup kera-manusia yang lalu.

Namun, di samping itu ditemui juga peralatan yang menunjukkan manusia-kera itu lebih cerdas. Ditinjau dari gerak pertahanan diri, jika kera-manusia hanya menggunakan anggota tubuhnya secara spontan, tetapi manusia-kera itu tentunya telah menggunakan juga bahan baku semula jadi dan alat-alat batu buatan mereka yang sesuai sebagai senjata untuk menyelamatkan diri.

Zaman itu dikenali sebagai Zaman Alat Batu Lama (Eolithic Age/Dawn Stone).

Ketika itulah bermulanya gerak bela diri bersenjata yang jauh masa kemudiannya, iaitu sekarang ini dikenali sebagai *pencak silat bersenjata* atau *tarungan bersenjata*.

Bagi tarungan serupa itu, istilah lain yang digunakan kini bergantung kepada senjatanya.

Sekadar contoh, jika menggunakan keris, ia dinamakan *tarungan seni keris* atau *permainan seni keris* atau *seni keris* sahaja dan sebagainya. Itulah yang menjadi salah satu daripada evolusi perkembangan pencak silat dari gerak bela diri atau seni mempertahankan diri Nusantara.

Nota: Penulis ialah guru pesara, pandai

pelbagai kerja tangan dan kurator Muzium

Melayu Mini Kelab Masyarakat Kampong Ubi.

“Gerak semula jadi menggunakan anggota tubuh mengikut naluri bagi mempertahankan diri adalah kudrat Tuhan kepada semua makhluk dan hidup-hidupan di muka bumi ini. Gerak itulah yang menjadi asas seni bela diri sejagat, iaitu gerak semula jadi untuk menyelamatkan diri atau menyerang balas dengan tujuan yang sama.”